



Kenaikan pangkat staf dan alumni UMP dalam Askar Wataniah

Berita dan foto oleh: IMADUDDIN ABIDIN

Dua orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan seorang alumni UMP berjaya dinaikkan pangkat Askar Wataniah dalam Majlis Pemakaian Pangkat yang disempurnakan Pegawai Memerintah Batalion Pertama, Yang Mulia Leftenan Kolonel Tengku Dato' Seri Kamarulzaman Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar dengan disaksikan oleh Penolong Pegawai Memerintah Batalion Pertama, Leftenan Kolonel Roslan Bahrom di Kem Forever First, Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Kuantan pada 13 Julai 2014 yang lalu.

Mendahului senarai adalah pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad Sulaiman bagi pemakaian pangkat dari Leftenan ke Kapten berkuat kuasa mulai 19 Disember 2013. Beliau juga merupakan Timbalan Dekan di Institut Pengajian Siswazah (IPS).

Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad merupakan tulang belakang

dalam penubuhan pasukan Askar Wataniah UMP yang bermula pada tahun 2005. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) oleh DYMM Sultan Pahang dan Pingat Kebaktian (P.K) oleh Tentera Darat Malaysia.

Selain beliau adalah Kapten Imaduddin Abidin yang telah dinaikkan pangkat dari Leftenan ke Kapten berkuat kuasa mulai 14 Februari 2014. Beliau merupakan pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Beliau merupakan seorang pegawai yang sangat berdedikasi dan juga merupakan pegawai yang bersama-sama dengan Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad dalam penubuhan Askar Wataniah UMP pada tahun 2005. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T) oleh DYMM Sultan Pahang dan Pingat Kebaktian (P.K) oleh Tentera Darat Malaysia.

Kedua-dua mereka adalah merupakan penasihat Pasukan

Askar Wataniah UMP dan Ahli Jawatankuasa Penubuhan PALAPES DARAT UMP dan melalui kehidupan sebagai seorang pegawai kadet Tentera Darat selama tiga tahun sebelum ditauliahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke dalam perkhidmatan.

Mereka juga telah mengikuti tiga kursus ketenteraan dengan jayanya iaitu Kursus Ketua Platon, Kursus Senjata Bantuan serta Kursus Staf dan Taktik Gred 3 di Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN), Ipoh, Perak.

Sementara itu, bagi pemakaian pangkat dari Leftenan Muda ke Leftenan berkuat kuasa bermula 26 Mac lalu adalah Leftenan Suyani Arifin. Beliau merupakan bekas pelajar UMP dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (2005-2009).

Leftenan Suyani merupakan pelajar dari kumpulan pertama yang telah menganggotai pasukan Askar Wataniah UMP pada tahun 2005. Bermula dari anggota lain-lain pangkat beliau

seterusnya ditauliahkan ke pangkat Leftenan Muda pada tahun 2012.

Antara kursus-kursus kerja ketenteraan yang telah dihadiri oleh beliau adalah Kursus Asas Perajurit Muda (Sukarela), Kursus KADAR, Kursus Bakal Pegawai, Kursus Ketua Platon, Kursus Senjata Bantuan dan Kursus Staf dan Taktik Gred 3. Leftenan Suyani kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah.

Bagi Kapten Dr. Ir. Ahmad Ziad, pemilihan ini merupakan pengiktirafan dari Tentera Darat terhadap penglibatan, sumbangan dan pengorbanan staf juga bekas pelajar UMP di dalam Kor Rejimen Askar Wataniah," katanya.

Beliau mengharapkan ianya dapat dijadikan sebagai suntikan semangat dan contoh kepada semua warga universiti agar dapat melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan yang boleh menyumbang terhadap agama, bangsa dan negara.